

**KOLEKSI PERCUBAAN
TASAWWUR ISLAM
2022
BAHAGIAN A**

JOHOR 1

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan berikut.

Soalan 1 - 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

1. Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan _____.
2. Semasa pembukaan Kota Mekah, Nabi Muhammad SAW merupakan seorang yang _____ kerana tidak pernah membalas dendam meskipun berkuasa menuntut balas.
3. Islam mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak bertujuan untuk memelihara _____ manusia.
4. Manusia pertama yang dicipta oleh Allah SWT adalah diambil daripada _____.


Soalan 5 -8

Tuliskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut.


	Pernyataan	Istilah
5.	Perkara yang tidak dapat dilihat serta tersembunyi dan hanya diketahui manusia melalui al-Quran dan as-Sunnah.	
6.	Kelompok yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, gharimin, fisabilillah, ibnu sabil	
7.	Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapat sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.	
8.	Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlindung dalam sesebuah negara Islam.	

Soalan 9

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan asas pergaulan.



9. A ialah_____.



Soalan 10 hingga 11


Lengkapkan rajah berikut berkaitan konsep hiburan menurut Islam.

10. B : _____

11. C : _____

Soalan 12 hingga 13

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan prosedur keterangan untuk mensabitkan



kesalahan.

12. **D** : _____

13. **E** : _____

Soalan 14 hingga 16

Lengkapkan jadual berikut berkaitan prinsip-prinsip Negara Islam

PRINSIP-PRINSIP NEGARA ISLAM	
Musyawarah (Al-Syura)	14. _____
15. _____	16. _____

Soalan 17-20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL** dan (X) pada pernyataan yang **SALAH**

	Pernyataan	✓ atau x
17.	Mengucap dua kalimah syahadah adalah asas kepada penerimaan sesuatu ibadat oleh Allah SWT.	
18.	Muhasabah ialah menilai dan melihat kekurangan diri serta bertaubat atas kesilapan tanpa perlu perubahan diri.	
19.	Kepentingan mengamalkan perundangan Islam hanya memberi kebaikan kepada umat Islam sahaja.	
20.	Proses penyucian jiwa dapat dilakukan dengan mengosongkan jiwa daripada sifat buruk dan hanya untuk mencari keredhaan Allah SWT.	

KELANTAN

Soalan 1 hingga 4

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

1. Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
2. Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.
3. Institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan cara yang patuh syariah.
4. Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.

Soalan 5 hingga 8


Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah

ibadah	agama	saksama	hiburan	sendiri	adil
--------	-------	---------	---------	---------	------

5. Konsep _____5_____ dalam Islam adalah untuk mengagungkan kebesaran Allah SWT dan mendidik jiwa.
6. Islam tidak melarang kesenian, Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan _____6_____ dan akhlak.
7. Khalifah perlu menunaikan hak terhadap rakyat di bawah kepimpinannya secara _____7_____ tanpa membezakan pangkat, ikatan kekeluargaan atau warna kulit.
8. Antara kebaikan bekerja adalah untuk mencari rezeki yang halal untuk menyara kehidupan _____8_____ dan keluarga.

Soalan 9 hingga soalan 11

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul tentang prinsip negara Islam.




9. P ialah : _____

10. Q ialah : _____

11. R ialah: _____

Soalan 12 – 15

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul yang berkaitan dengan proses kejadian insan.



12. V ialah _____

13. W ialah _____

14. X ialah _____

15. Y ialah _____

Soalan 16 - 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (×) pada pernyataan yang salah.

- | | |
|---|--------------------------|
| 16. Khilafah ialah sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seseorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT | ☐ |
| 17. Qazaf ialah menuduh seseorang yang jahat melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi. | ☐ |
| 18. Cukai Jizyah dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sesebuah negara Islam. | ☐ |
| 19. Al-Ijmak ialah menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan. | ☐ |
| 20. Memberi minum kepada anjing jalanan adalah contoh akhlak mahmudah. | ☐ |

PAHANG

Soalan 1 hingga soalan 4

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

1. Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.
2. Islam ialah agama yang praktikal iaitu mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
3. Satu kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta secara halal.
4. Jual beli sesuatu barangan dengan makluman harga bersama-sama tambahan margin keuntungan.

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

khilafah	khalifah	takaful	al-ijarah	asnaf	rasul
----------	----------	---------	-----------	-------	-------

5. Tabarru' ialah peserta skim _____ mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar.
6. Antara _____ yang berhak menerima zakat ialah fakir dan miskin.
7. Wahyu akan diturunkan kepada _____ untuk dirinya dan disampaikan kepada orang lain.
8. _____ ialah sistem pemerintahan islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat patuh kepada syariat Allah.

Soalan 9 dan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan prinsip-prinsip negara Islam.


Prinsip-prinsip Negara Islam	Pernyataan
As-Syura	Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
X	Membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis berdasarkan ketentuan akidah, syariat dan akhlak.
Al-Huriyyah	Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.
Y	Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.

9. X ialah _____.

10. Y ialah _____.

Soalan 11 dan 12

Lengkapkan carta berikut dengan jawapan yang betul berkaitan dengan ciri-ciri muamalat Islam.



11. V ialah _____.

12. W ialah _____.

Soalan 13 hingga soalan 15

Tentukan perkara berikut sama ada Fardu Ain atau Fardu Kifayah.

Perkara	Jenis Ibadat
Solat jenazah	Fardu Kifayah
Mengeluarkan zakat	X
Solat Fardu	Fardu Ain
Bekerja sebagai guru	Y
Membuat penyelidikan	Z

13. X ialah _____.

14. Y ialah _____.

15. Z ialah _____.

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Hukuman bagi pezina yang muhsan ialah 100 sebatan.

☐

17. Matlamat sistem perundangan Islam adalah semata-mata menegakkan keadilan.

☐

18. Antara prinsip pergaulan ialah menjaga batasan aurat.

☐

19. Akal mampu memikirkan perkara ghaib dan tidak berubah.

☐

20. Al-Quran mengandungi 30 juzuk.

☐

PULAU PINANG

BAHAGIAN A

[20 markah]

Arahan : Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Rukun Islam, rukun iman dan ihsan termaktub dalam sebuah hadis yang dikenali sebagai _____.
2. _____ ialah dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
3. Semasa pemerintahan _____, sebuah badan khas untuk mentadbir urusan kehakiman ditubuhkan bagi menangani pelbagai permasalahan yang timbul.
4. _____ bermaksud penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.


Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Kewajipan atau amalan yang tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit atau darurat.
6. Islam ialah agama praktikal di mana setiap suruhan dan tegahan mempunyai manfaat rohani dan jasmani.
7. Kesalahan dan hikmah yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.
8. Kelompok yang berhak menerima zakat.

Soalan 9 hingga soalan 10.

Lengkapkan carta di bawah berkaitan prinsip-prinsip negara Islam.




9. A : _____

10. B : _____

Soalan 11 hingga soalan 12

Lengkapkan carta alir di bawah yang berkaitan dengan peringkat alam yang dilalui oleh manusia.



11. C : _____

12. D : _____

Soalan 13 hingga soalan 16

Lengkapkan jadual di bawah berkaitan kesalahan-kesalahan hudud.

Nombor soalan		Hukuman
13.	E	Disebat 100 kali
14.	F	Disebat 80 kali
15.	G	Disebat 40 kali
16.	H	Dipotong di pergelangan tangan

13. E : _____

14. F : _____

15. G : _____

16. H : _____

Soalan 17 hingga soalan 20.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | |
|---|--------------------------|
| 17. Arak diharamkan oleh syarak kerana merosakkan agama. | ☐ |
| 18. Beriman kepada qadak dan qadar merupakan salah satu daripada rukun Islam. | ☐ |
| 19. Akhlak mahmudah merupakan asas pembinaan sesebuah tamadun yang kukuh. | ☐ |
| 20. Khulafa al-Rasyidin diasaskan selepas kewafatan Rasulullah SAW. | ☐ |

PULAU PINANG 2

Soalan 1 hingga 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut dengan menulis jawapan yang sesuai

	Pernyataan	Istilah
1.	Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.	
2.	Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia. Dapat diketahui melalui penjelasan al-Quran dan Hadis.	
3.	Akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu perniagaan.	
4.	Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.	

Soalan 5 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Individu	Khalifah	Lelaki	Keluarga	Khilafah	Etika Kerja	Budaya Kerja
----------	----------	--------	----------	----------	-------------	--------------

- Rasul ialah _____ pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- _____ ialah unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.
- Berdisiplin dan menepati masa agar kerja dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan merupakan _____ dalam Islam.
- _____ bermaksud individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan kepentingan ibadah menurut Islam.

Nama Ibadah	Kepentingan
T	- Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah SWT. - Meningkatkan ketaqwaan. - Meningkatkan hubungan baik dalam masyarakat apabila dilakukan secara berjemaah.
U	- Mendidik hawa nafsu. - Merehatkan sistem pencernaan. - Merasai kesusahan orang miskin.

9. **T** ialah _____.

10. **U** ialah _____.

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan peranan ahli keluarga.


Ahli Keluarga	Peranan
V	- Sebagai pemimpin keluarga. - Memastikan ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT. - Memberikan pendidikan yang sempurna kepada ahli keluarga.
Isteri	- Taat kepada suami dalam hal tidak bertentangan syariat. - Menjaga rahsia rumah tangga. - Mengurus hal ehwal rumah tangga.
W	- Mematuhi ajaran agama. - Berkomunikasi dengan sopan. - Menjauhi perbuatan mungkar.

11. **V** ialah _____.

12. **W** ialah _____.

Soalan 13 hingga soalan 15

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan kesalahan-kesalahan hudud serta hukumannya.



13. **X** : _____

14. **Y** : _____

15. **Z** : _____

Soalan 16 hingga 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL** dan (X) pada pernyataan yang **SALAH**.

	Pernyataan	✓ atau x
16.	Wahyu telah terhenti dan tidak diturunkan lagi selepas kewafatan Rasulullah SAW.	
17.	Seni kata nyanyian yang baik, tidak mendorong kepada maksiat dan tidak membawa kepada fitnah adalah diharuskan dalam Islam.	
18.	Negara bukan Islam meletakkan prinsip Syura sebagai asas pemerintahan.	
19.	Memakan makanan yang halal adalah cara Islam memelihara keturunan.	
20.	Keuntungan dan kerugian dalam kegiatan ekonomi ialah perkara lumrah yang dialami oleh individu dan organisasi.	

PERAK

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan

Soalan 1 *hingga* soalan 4

Nyatakan istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

- 1 Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama hingga kurun ketiga hijrah.
- 2 Kelompok yang berhak menerima zakat.
- 3 Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sebuah Negara Islam.
- 4 Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah.

Soalan 5 *hingga* soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang paling sesuai.

rasul	empat orang lelaki	malaikat	manusia	sahifah Madinah	mukalaf
-------	-----------------------	----------	---------	--------------------	---------

- 5 Manusia wajib percaya dan yakin akan kewujudan perkara ghaib yang dikhabarkan oleh para nabi dan _____.
- 6 Setiap _____ perlu meyakini Allah SWT itu wujud, tetapi hakikat zat Allah SWT tidak dapat diketahui oleh manusia.
- 7 Bagi kesalahan zina, Islam menetapkan bilangan saksinya sebanyak _____.
- 8 Rasulullah SAW telah membuat satu perjanjian dengan seluruh penduduk Madinah yang dikenali sebagai _____.

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan Jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan pandangan hidup Islam.


P	Ketuhanan iaitu segala hokum, konsep ,prinsip , nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
Q	Realiti Islam ialah agama yang praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.

9 P ialah

10 Q ialah

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan ruangan kosong yang disediakan berdasarkan jadual yang berkaitan sistem perundangan Islam.




11 R ialah

12 S ialah

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan konsep pergaulan dalam Islam.




13 T ialah

14 U ialah

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



15 X ialah

16 Y ialah

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul (X) pada pernyataan yang salah

- | | | |
|----|---|--------------------------|
| 17 | Memakai pakaian yang menutup aurat adalah satu langkah untuk menjauhi diri dari maksiat dan kemungkaran. | ☐ |
| 18 | Riba diharamkan oleh Islam kerana ianya mengandungi unsur judi. | ☐ |
| 19 | Dalam muamalah Islam, unsur kerugian tidak boleh berlaku kerana ianya bukanlah perkara lumrah | ☐ |
| 20 | Ciri-ciri sistem pemerintahan Islam ialah mengamalkan demokrasi dalam pemerintahan berdasarkan al-Quran dan al-hadis. | ☐ |

SABAH

- | | |
|--|---|
| <p>1. Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.</p> | <div style="border: 1px solid black; width: 100%; height: 60px; margin: 0 auto;"></div> |
| <p>2. Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai objektif yang ditetapkan</p> | <div style="border: 1px solid black; width: 100%; height: 60px; margin: 0 auto;"></div> |
| <p>3. Cara hidup yang lengkap merangkumi akidah ibadah dan akhlak.</p> | <div style="border: 1px solid black; width: 100%; height: 60px; margin: 0 auto;"></div> |
| <p>4. Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah perkahwinan atau pengambilan anak angkat</p> | <div style="border: 1px solid black; width: 100%; height: 60px; margin: 0 auto;"></div> |

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan.

Mengurangkan	Al-Ijma'	Syura	Dalil	Syariat	Meningkatkan
--------------	----------	-------	-------	---------	--------------

5. Islam tidak melarang umatnya untuk berhibur asalkan hiburan itu boleh _____ keimanan.


6. Islam membenarkan umatnya untuk berfesyen dan mestilah memenuhi _____ Islam dan tidak melampau batas.

7. Berikut merupakan sumber utama sistem perundangan Islam, al- Quran, al- Hadis, _____ dan al-Qias.

8. Piagam Madinah telah dibentuk dengan adanya pengamalan konsep _____ dalam pemerintahan baginda Rasulullah SAW.

Soalan 9 hingga soalan 11 berdasarkan rajah di bawah

Rajah 1 di bawah berkaitan jenis institusi kewangan Islam



Rajah 1

9. X ialah _____

10. Y ialah _____

11. Z ialah _____

Soalan 12 hingga soalan 13

Rajah 2 dibawah berkaitan dengan jenis dan kesalahan jenayah dalam Islam

Jawapan	Pernyataan
R	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya
S	Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti hukuman Qisas yang tidak dapat dilaksanakan

Rajah 2


12. R ialah _____

13. S ialah _____

Soalan 14 sehingga soalan 16 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

Jadual 1 di bawah berkaitan dengan ciri-ciri muamalat Islam.



Jadual 1

14. X ialah _____

15. Y ialah _____

16. Z ialah _____

Soalan 17 hingga Soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | |
|---|--------------------------|
| 17. Pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW belum terdapat institusi kewangan | ☐ |
| 18. Hukuman kepada pesalah Qazaf ialah 80 kali sebatan | ☐ |
| 19. Insan makhluk istimewa kerana dikurniakan akal fikiran | ☐ |
| 20. Akal dapat memikirkan tentang zat Allah SWT | ☐ |

SARAWAK

Soalan 1 hingga 4

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.

- 2 Amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardu atau sunat.

- 3 Tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.

- 4 Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.

Soalan 5 hingga 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan menulis jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan.

khusyuk	Al-Quran	kekayaan	ikhlas	Gharar	keadilan
---------	----------	----------	--------	--------	----------

- 5 Ihsan terhasil daripada gabungan sifat _____ serta perasaan takut dan tunduk kepada Allah SWT.
- 6 Membaca dan mendengar _____ dikira sebagai ibadah dan mendapat pahala.
- 7 _____ perlu dijaui kerana terdapat unsur ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli.
- 8 Matlamat negara Islam adalah untuk merealisasikan _____ supaya tiada yang teraniaya.

Soalan 9 dan 10

Lengkapkan jadual A di bawah dengan menulis jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan.

Jenis-jenis Muamalat Islam

P	Q
Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang.	Mewakilkkan sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.

Jadual A

9 P ialah _____

10 Q ialah _____

Soalan 11 dan 12

Lengkapkan jadual B di bawah dengan menulis jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan.

Peringkat Alam yang dilalui Manusia

Peringkat Alam	Pernyataan
R	Alam yang memisahkan antara alam dunia dengan alam akhirat.
Alam Akhirat	Alam yang kekal abadi setelah terjadinya kiamat.
S	Alam manusia ditiupkan roh, ditetapkan ajal, rezeki dan amalannya.


Jadual B

11 R ialah _____

12 S ialah _____

Soalan 13 dan 14

Lengkapkan rajah C di bawah dengan menulis jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan.



13 T ialah _____

14 U ialah _____

Soalan 15 dan 16

Lengkapkan rajah D di bawah dengan menulis jawapan dalam kertas jawapan anda.



15 V ialah _____

16 W ialah _____

Soalan 17 hingga 20

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul, tandakan (X) pada pernyataan yang salah dalam kertas jawapan anda.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 17 | Konsep Ta'aruf menekankan kita untuk mengenali latar belakang antara satu sama lain. | ☐ |
| 18 | Kandungan dan hukum al-Quran tidak akan berkekalan hingga hari kiamat. | ☐ |
| 19 | Hudud ialah hukuman yang telah diserahkan kepada budi bicara pemerintah. | ☐ |
| 20 | Sistem pemerintahan Islam meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa yang mutlak manakala manusia sebagai khalifah hanya sebagai pemegang amanah. | ☐ |

TERENGGANU

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan memilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Khilafah	Al- Quran	Waqi'iyah	Ibadat	Ihsan	Khalifah
----------	-----------	-----------	--------	-------	----------

- ☐ 1 ☐ 1 _____ akan mendorong manusia untuk sentiasa mempertingkatkan kualiti ibadah dan pekerjaan.
- ☐ 1 ☐ 1 _____ ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
- ☐ 1 ☐ 1 Wahyu memastikan kesahihan _____ yang dilaksanakan manusia agar bertepatan dengan kehendak syarak.
- ☐ 1 ☐ 1 _____ merupakan sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seseorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.

Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

- ☐ 1 ☐ 1 Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan dan membuat keputusan berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- ☐ 1 ☐ 1 Panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sebuah organisasi.
- ☐ 1 ☐ 1 Boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap pada prinsip asasnya.
- ☐ 1 ☐ 1 Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.

Soalan 9 dan 10

Tentukan pernyataan berkenaan kesalahan dan hukuman dalam diat dengan menandakan (S) atau (T) dalam ruangan yang disediakan.

S	Diat Ringan	T	Diat Berat
---	-------------	---	------------

9 Membunuh dengan tidak sengaja

☐
☐

1

10 Membunuh dengan tidak sengaja tetapi seolah-olah sengaja.

☐
☐

1

Soalan 11 dan 12

Lengkapkan jadual berkenaan Prinsip Pergaulan dalam Islam dalam ruangan yang disediakan.

Prinsip Pergaulan Dalam Islam	X
	Memberi panduan berinteraksi
	Mengutamakan keamanan dan keharmonian
	Y
	Bekerjasama dan saling menghormati

11 X ialah

☐
☐

1


12 Y ialah

☐
☐

1

Soalan 13 hingga soalan 15

Lengkapkan carta di bawah dengan pembahagian ibadat khusus.



13 M ialah _____

 1

14 N ialah _____

 1

15 O ialah _____

 1

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

16 Alaqah merupakan percantuman benih sehingga menjadi seketul darah.

 1

17 Wahyu datang daripada Allah SWT yang kebenarannya bersifat relatif.

 1

18 Pemulihan dalam sistem perundangan Islam adalah bertujuan mendidik pesalah supaya insaf daripada kesalahan.

 1

19 Pengabaian sistem perundangan Islam mewujudkan sistem ekonomi yang haram seperti amalan riba dan rasuah.

 1

20 Cara Islam memelihara akal ialah dengan menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang.

 1

JOHOR 2

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga soalan 4

Pilih istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

Kapitalis	Nabi	Sosialis	Rasul
Qisas	Sedekah	Zakat	Hudud

1. Ibadat dengan cara mengeluarkan harta tertentu pada kadar tertentu dengan syarat tertentu.

2. Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikan kepada orang lain.

3. Hukuman syarak yang dilaksanakan bagi menunaikan hak Allah SWT.

4. Sistem ekonomi konvensional yang berpaksikan akal fikiran semata-mata.

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang paling sesuai.

5. Ibadah _____ adalah semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT.

6. Akhlak yang terkeji yang dilarang oleh Al-Quran dan Al-Sunnah daripada diamalkan digelar akhlak _____ .

7. Muamalat jenis _____ membolehkan seseorang mengambil faedah daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.

8. Persamaan di antara muamalat jenis al-Murabahah dan Bai' Bithaman Ajil adalah kedua-duanya merupakan kontrak _____ .

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan proses kejadian Insan.

Proses Kejadian Insan	Pernyataan
P	Sperma lelaki dan ovum perempuan disenyawakan di dalam rahim Wanita
Q	Tangan, kepala, kaki, dan tulang rusuk mula terbentuk

9. P ialah _____

10. Q ialah _____

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan fungsi wahyu berikut.


Fungsi wahyu	Ciri-ciri
R	Sebagai sumber utama syariat Islam
Terhadap Akidah	Menjelaskan tentang perkara ghaib
S	Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain

11. R ialah _____

12. S ialah _____

Soalan 13 hingga soalan 15

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan Sistem Perundangan Islam.



Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Antara keistimewaan sistem sosial Islam adalah menjamin hak asasi manusia. ☐
17. Isteri bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal. ☐
18. Kadar diat berat bagi membunuh dengan sengaja adalah 100 ekor unta yang dibayar secara ansuran selama 3 tahun. ☐
19. Piagam Madinah dijadikan perlembagaan pentadbiran bagi menggantikan semangat 'Asabiyah. ☐
20. Antara kesan pentadbiran mengikut syariat adalah memajukan organisasi dan negara. ☐

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

1	Akhlak	11	B /C - mengagungkan Allah / Bersifat menyeluruh fizikal dan rohani
2	Pemaaf	12	D : Kesaksian / Pembuktian
3	Akal	13	E : Kesaksian / Pembuktian
4	Segumpal tanah	14	Keadilan (Al-Adalah)/Kebebasan (Al-Hurriyyah)/Persamaan(Al-Musawah)
5	Perkara Ghaib/Ghaibiyyah	15	Keadilan (Al-Adalah) /Kebebasan (Al-hurriyyah) /Persamaan(Al-Musawah)
6	Asnaf	16	Keadilan (Al-Adalah) /Kebebasan (Al-Hurriyyah) /Persamaan(Al-Musawah)
7	Pekerjaan	17	√
8	jizyah	18	X
9	Saling mamahami / Tafahum	19	X
10	B /C - mengagungkan Allah / Bersifat menyeluruh fizikal dan rohani	20	√

KELANTAN

1.	Rabbaniyyah
2.	Keluarga
3.	Perbankan Islam
4.	Kehakiman / al-Qadha
5.	Hiburan
6.	Agama
7.	Adil
8.	Sendiri
9.	Musyawarah /Persamaan/Keadilan
10.	Keadilan /Musyawarah /Persamaan
11.	Persamaan /Keadilan/ Musyawarah
12.	V : Alaqah
13.	W: Mudghah
14.	X: 'Izam dan Lahm
15.	Y: Janin
16.	/
17.	X
18.	/
19.	X
20.	/

PAHANG

No. Soalan	Jawapan	Markah
1	Ibadah	1
2	Waqi'iyah	1
3	Pekerjaan	1
4	Murabahah	1
5	Takaful	1
6	Asnaf	1
7	Rasul	1
8	Khilafah	1
9	AL-'Adalah	1
10	Al-Musawah	1
11	Adil / mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan	1
12	Adil / mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan	1
13	Fardu Ain	1
14	Fardu Kifayah	1
15	Fardu Kifayah	1
16	√	1
17	X	1
18	X	1
19	X	1
20	√	1

PULAU PINANG 1

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1.	Hadis Jibril	11.	C : Alam rahim
2.	Dalil Naqli	12.	D : Alam dunia
3.	Khalifah Umar al-Khattab	13.	E : Penzina belum berkahwin/ Penzina ghairu muhsan
4.	Rakyat	14.	F : Qazaf / Menuduh orang baik melakukan zina tanpa membawa 4 orang saksi
5.	Solat fardhu	15.	G : Minum arak
6.	Waqi'iyah	16.	H : Mencuri
7.	Takzir	17.	X
8.	Asnaf	18.	X
9.	A : Al-Musyawah/Al-Hurriyyah	19.	√
10.	B : Al-Hurriyyah/ Al-Musyawah	20.	√

PULAU PINANG 2

1.	Qadak	11.	Suami
2.	Alam ghaib	12.	Anak
3.	Al-Musyarakah	13.	Disebat 100 rotan
4.	Qazaf	14.	Disebat 40 rotan
5.	Lelaki	15.	Dipotong tangan
6.	Keluarga	16.	√
7.	Etika Kerja	17.	√
8.	Khalifah	18.	X
9.	Solat	19.	X
10.	Puasa	20.	√

PERAK

No soalan	Jawapan
1	Salafusoleh
2	Asnaf
3	Jizyah
4	Hudud
5	Rasul
6	Mukalaf
7	Empat orang lelaki
8	Sahifah Madinah
9	Rabbaniyyah
10	Waqiiyyah
11	Akal / keturunan
12	Keturunan / Akal
13	Saling memahami / Saling bekerjasama
14	Saling memahami / Saling bekerjasama
15	Kesaksian
16	Pembuktian
17	Betul
18	Salah
19	Salah
20	Betul

SABAH

BAHAGIAN A

SOALAN	JAWAPAN
1	Ekonomi Islam
2	Pentadbiran
3	Al-Din
4	keluarga
5	Meningkatkan
6	Syariat
7	Al-Ijma'
8	Syura
9	X Baitulmal/Wakaf/Zakat/Tabung Haji
10	Y Baitulmal/Wakaf/Zakat/Tabung Haji
11	Z Baitulmal/Wakaf/Zakat/Tabung Haji
12	R Takzir
13	S Diat
14	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / Adil dan mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan
15	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / Adil dan mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan
16	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / Adil dan mendatangkan manfaat / tidak melakukan penipuan
17	X
18	√
19	√
20	X

SARAWAK

SKEMA BAHAGIAN A

NO. SOALAN	JAWAPAN
1	Al-din
2	Ibadat Khusus
3	Muamalat Islam
4	Hudud
5	Ikhlas
6	Al-Quran
7	Gharar
8	Keadilan
9	Al-Rahnu
10	Al-Wadiah
11	Alam barzakh/alam kubur
12	Alam Rahim
13	Akhlak Mahmudah
14	Akhlak Mazmumah
15	Saling mengenali (ta'aruf)
16	Saling bekerjasama (ta'awun)
17	/
18	X
19	X
20	/

TERENGGANU

BAHAGIAN A

BIL	JAWAPAN	BIL	JAWAPAN
1	Ihsan	11	Bermatlamatkan keimanan
2	Waqi'iyah	12	Berlandaskan syariat Islam
3	Ibadat	13	Puasa, Zakat, Haji
4	Khilafah	14	Puasa Enam, Sedekah, umrah
5	Syura	15	Fardu Kifayah
6	Etika Tadbir Urus	16	X
7	Murunah	17	X
8	Akal	18	√
9	S	19	√
10	T	20	√

JOHOR 2

Bahagian A – 20 Markah

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| 1. Zakat | 11. Terhadap ibadah |
| 2. Rasul | 12. Terhadap Akhlak |
| 3. Hudud | 13. Pencegahan |
| 4. Kapitalis | 14. Pemulihan |
| 5. Umum | 15. Pembalasan |
| 6. Mazmumah | 16. v |
| 7. Al Ijarah / sewaan | 17. X |
| 8. Jual beli | 18. X |
| 9. Nutfah | 19. X |
| 10. Mudghah | 20. v |